

**KUASA HAKAM DAN KESANNYA TERHADAP KES-KES
PERMOHONAN PERCERAIAN TANPA PERSETUJUAN SATU PIHAK
: SATU DAPATAN AWAL**

**Power of Hakam and Its Effects on Cases of Application for Divorce
without the Consent of One Party: An Early Finding**

ZAINI YUSNITA MAT JUSOH

Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
zainiyusnita@kuis.edu.my

ZANARIAH DIMON

Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah Dan Undang-Undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
zanariah@kuis.edu.my

SHARIFAH HANA ABDUL RAHMAN

Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah Dan Undang-Undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
sharifahhana@kuis.edu.my

Abstrak

Islam adalah agama yang syumul dan memenuhi keperluan segenap kehidupan manusia. Islam juga telah menetapkan hukum hakam berkaitan perceraian sebagai penyelesaian kepada persengketaan dalam rumah tangga sama ada melalui kuasa talak pada suami atau hak pembubaran perkahwinan kepada isteri. Syarak dan undang-undang telah menyediakan banyak kaedah penyelesaian dalam menangani krisis rumah tangga sama ada mendapatkan nasihat orang yang dipercayai, melantik hakam dan menghadiri kaunseling sebelum akhirnya pasangan suami isteri membuat keputusan untuk bercerai. Menurut undang-undang keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia, terdapat banyak peruntukan undang-undang yang boleh digunakan untuk mendapatkan perceraian sebagai contoh permohonan perceraian di bawah seksyen 47, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003. Permohonan Perceraian di bawah seksyen 47 iaitu melalui lafaz talak memerlukan persetujuan kedua-dua belah pihak untuk bercerai. Mahkamah tidak akan membenarkan suami melafazkan talak sekiranya isteri tidak bersetuju untuk bercerai, sebaliknya mahkamah akan melantik Jawatankuasa Pendamai terlebih dahulu. Sekiranya Jawatankuasa Pendamai gagal untuk mencapai perdamaian atau persetujuan untuk bercerai dalam tempoh yang ditetapkan maka mahkamah mengambil langkah seterusnya iaitu melantik hakam. Hakam mempunyai kuasa untuk membubarkan perkahwinan tersebut sekiranya pihak-pihak masih tidak berjaya mencapai perdamaian. Oleh kerana perceraian yang diputuskan oleh hakam adalah merupakan talak ba'in sugra, maka, implikasinya adalah rujuk tidak terpakai kepada suami dan isteri tersebut. Keputusan perceraian oleh hakam juga tidak boleh dirayu, bersifat muktamad dan mengikat pihak-pihak yang bertikai. Rayuan hanya boleh dibuat apabila terdapat kecacatan dari sudut prosiding sahaja. Kesannya terdapat pihak yang terkilan dengan keputusan hakam tersebut. Tinjauan awal juga mendapati tidak banyak kajian lepas didalam jurnal ilmiah, artikel prosiding maupun dalam media massa yang membincangkan tentang

isu ini. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan hakam dan kesannya dalam perceraian tanpa persetujuan satu pihak menurut syarak dan undang-undang dan membandingkan amalan pelaksanaan kuasa hakam dalam kes-kes perceraian di mahkamah Syariah di Malaysia.

Kata kunci: Perceraian, Talaq, Jawatankuasa Pendamai, Hakam, Mahkamah Syariah

Abstract

Islam is a comprehensive religion and meets the needs of all human life. Islam has also established the law of hakam related to divorce as a solution to disputes in the household either through the power of talaq on the husband or the right of dissolution of marriage to the wife. Sharia and the law have provided many methods of solution in dealing with marital crises whether seeking the advice of a trusted person, appointing a hakam and attending counseling before finally the couple decides to divorce According to the Islamic family law of the states in Malaysia, there are many legal provisions that can be used to obtain a divorce for example a divorce application under section 47, Selangor Islamic Family Law Enactment 2003. Application for Divorce under section 47, which is through the pronunciation of talaq, requires the consent of both parties to divorce. The court will not allow the husband to pronounce talaq if the wife does not agree to divorce. Instead, the court will appoint a Conciliation Committee first. If the Conciliation Committee fails to reach a settlement or agreement to divorce within the stipulated period then the court takes the next step which is to appoint a hakam. Hakam has the power to dissolve the marriage if the parties still fail to reach reconciliation. Since the divorce decided by the hakam is a talaq ba'in sugra, then, the implication is that the reference does not apply to the husband and wife. The decision of divorce by the hakam is also not appealable, is final and binding on the disputing parties. An appeal can only be made when there is a defect in terms of the proceedings only. As a result, there are parties who are aggrieved by the decision of the judge. Preliminary surveys also found that there are not many previous studies in scholarly journals, proceedings articles or in the mass media that discuss this issue. Thus, this study aims to analyze the role of hakam and its effect in divorce without the consent of one party according to syarak and law and compare the practice of exercising the power of hakam in divorce cases in Syariah courts in Malaysia.

Keywords: Divorce, Talaq, Conciliation Committee, Hakam, Syariah Court

1.0 PENDAHULUAN

Pasangan suami isteri tidak dapat lari daripada menghadapi pelbagai konflik dan perselisihan faham sepanjang perkahwinan sehingga adakalanya terpaksa berakhir dengan perceraian. Walau bagaimanapun, perceraian merupakan langkah yang terakhir apabila sesuatu perkahwinan itu gagal diselamatkan setelah melalui beberapa proses pemulihan bagi tujuan mencari perdamaian. Perceraian berasal dari perkataan talaq dalam Bahasa Arab. Talaq bermaksud melepaskan atau meleraikan ikatan (Wahbah al Zuhaili, 1985). Talaq juga boleh ditakrifkan sebagai menghilangkan ikatan pernikahan atau mengurangi pelepasan ikatannya. (Al-Jaziri, t.t). Menurut undang-undang keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia, terdapat banyak peruntukan undang-undang yang boleh digunakan untuk mendapatkan perceraian sekiranya krisis rumah tangga tidak dapat diselesaikan sama ada menerusi kuasa talak oleh suami atau melalui perintah hakim.

Perceraian melalui Hakam dikaitkan dengan wujudnya *Syiqaq* yang berlaku di antara pasangan di dalam perkahwinan yang gagal diselesaikan. *Syiqaq* menurut Al-Qurthubi pula di dalam *Tafsir Al-Qurthubi* ditakrifkan sebagai pertentangan, perbantahan, perselisihan dan permusuhan yang berasal dari kata dasar “As-Syiqqu” yang bermaksud “sisi” oleh kerana pihak-pihak berada pada sisi yang berlainan yang menyebabkan berlakunya perselisihan Secara literal, *syiqaq* memberi maksud permusuhan di antara dua atau lebih golongan (Ibnu Manzur (t.t). Ia melibatkan perkelahian, perbantahan dan perpecahan di antara dua pihak mengenai sesuatu isu (Al-Qurtubi, 1964). Dalam konteks perkahwinan, *syiqaq* melibatkan konflik yang wujud daripada keburukan kedua-dua belah pihak suami dan isteri. Menurut undang-undang pula, *syiqaq* adalah pertelingkahan di antara suami isteri yang kritikal dan apabila ianya dikemukakan di Mahkamah dan jika Hakim berpuas hati wujudnya *syiqaq*, maka Hakim akan memerintahkan prosiding diteruskan ke Majlis Tahkim (Azliza binti Abu Hanipah, 1999). Oleh itu, *syiqaq* adalah suatu perkelahian yang berlaku secara berterusan dan berpanjangan di antara suami isteri sehingga walaupun apabila ada satu pihak mengusulkan penyelesaian melalui perceraian, satu pihak yang lain tetap tidak dengan bersetuju dengan alasan-alasan yang tersendiri. Istilah *syiqaq* sinonim digunakan dalam kaedah penyelesaian pertikaian Tahkim dan berkait rapat dengan proses Hakam.

Antara faktor yang menyebabkan berlakunya *Syiqaq* dalam rumah tangga, kadangkala berpunca dari nusyuz isteri atau suami atau kedua-duanya menjadi punca kepada timbulnya konflik dalam rumah tangga menurut Norzulaili Mohd Ghazali, et al (2006) di dalam *Nusyuz, Syiqaq dan Hakam Menurut Al-Quran, Sunah dan Undang-undang Keluarga Islam*. Selain itu, faktor pasangan sering bertengkar, saling menyalahkan, saling pukul dan menyakiti serta pengabaian tanggungjawab juga merupakan bentuk *Syiqaq* yang sering berlaku. Faktor pengurusan ekonomi kekeluargaan turut menjadi salah satu faktor wujudnya *Syiqaq* di antara pasangan suami isteri menuut Raihanah Azahari (2008) dan Suhaiza Mustafa (2008). Di dalam kajian Azliza binti Abu Hanipah (1999) yang bertajuk *Konsep Dan Peranan Majlis Tahkim Dalam Menyelesaikan Masalah Rumah Tangga ; Kajian Kes Di Shah Alam*, telah menjelaskan *Syiqaq* adalah pertelingkahan di antara suami isteri yang kritikal dan apabila ianya dikemukakan di Mahkamah dan sekiranya Hakim berpuas hati wujudnya *Syiqaq*, maka Hakim akan memerintahkan prosiding diteruskan ke Majlis Tahkim.

Hakam menurut undang-undang keluarga Islam di Malaysia ditafsirkan sebagai penimbang tara yang diberi kuasa oleh pihak-pihak atau oleh mahkamah untuk menyelesaikan *syiqaq* antara suami isteri. Hakam terdiri daripada saudara karib suami dan isteri yang mempunyai maklumat berkaitan isu rumah tangga pihak suami dan pihak isteri. Pada dasarnya, kaedah hakam ini akan berfungsi apabila terdapat kes-kes permohonan cerai menurut seksyen 47 iaitu perceraian dengan talak dan salah satu pihak tidak bersetuju dengan perceraian tersebut. Ini kerana, Mahkamah Syariah tidak akan membenarkan suami melafazkan talak sekiranya ada pihak suami sendiri atau isteri yang tidak bersetuju untuk bercerai. Sebaliknya Mahkamah Syariah akan melantik Jawatankuasa Pendamai untuk mencapai perdamaian antara mereka. Sekiranya Jawatankuasa Pendamai gagal dalam proses tersebut, hakam akan dilantik bagi meneruskan penyelesaian terhadap *syiqaq* yang berlaku di antara suami isteri tersebut

Ekoran daripada isu-isu tersebut, maka kuasa hakam atau kaedah tahkim telah diperkenalkan oleh Mahkamah Syariah bagi menyelesaikan kemelut yang berlaku. Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2006 diwujudkan bagi membenarkan hakam dilantik dan mengambil peranannya. Arahan Amalan tersebut memperuntukkan situasi-situasi tertentu

supaya kaedah hakam dapat digunakan. Ia termasuklah, (a) Perbalahan di antara suami isteri yang timbul daripada nusyuz isteri, atau disebabkan kezaliman suami, ataupun berlaku kesamaran siapa yang benar dan dusta dalam perbalahan yang berlaku, (b) Perbalahan dan tuduh-menuduh yang masing-masing tidak melaksanakan tanggungjawab suami atau isteri, (c) Kedua-duanya saling tuduh-menuduh berkawan dengan perempuan/lelaki sehingga melewati batas syarak, (d) Tuduh-menuduh berkaitan kelalaian dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap anak-anak dalam perkahwinan, (f) aduan isteri tidak sabit dan ditolak oleh Mahkamah Syariah kerana tidak ada bukti, dan Mahkamah mendapat pertikaian sentiasa berlaku, dan (h) Sebarang tindakan yang menyebabkan mudarat terhadap isteri.

2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Kuasa talak pada asalnya adalah hak suami namun isteri turut mempunyai hak untuk menuntut pembubaran perkahwinan sekiranya berlaku *syiqaq* yang berpanjangan dalam perkahwinan melalui *khuluk* (tebus talak), fasakh dan taklik. Selain itu, terdapat satu lagi bentuk pembubaran perkahwinan yang disyariatkan dalam Islam iaitu melalui kaedah kuasa hakam. Hakam menurut undang-undang keluarga Islam di Malaysia ditafsirkan sebagai penimbang tara yang diberi kuasa oleh pihak-pihak atau oleh mahkamah untuk menyelesaikan *syiqaq* antara suami isteri. Hakam terdiri daripada saudara karib suami dan isteri yang mempunyai maklumat berkaitan isu rumah tangga pihak suami dan pihak isteri. Pada dasarnya, kaedah hakam ini akan berfungsi apabila terdapat kes-kes permohonan cerai menurut seksyen 47 iaitu perceraian dengan talak dan salah satu pihak tidak bersetuju dengan perceraian tersebut. Ini kerana, Mahkamah Syariah tidak akan membenarkan suami melafazkan talak sekiranya ada pihak suami sendiri atau isteri yang tidak bersetuju untuk bercerai. Sebaliknya Mahkamah Syariah akan melantik Jawatankuasa Pendamai untuk mencapai perdamaian antara mereka. Sekiranya Jawatankuasa Pendamai gagal dalam proses tersebut, hakam akan dilantik bagi meneruskan penyelesaian terhadap *syiqaq* yang berlaku di antara suami isteri tersebut.

Ekoran daripada isu-isu tersebut, maka kuasa hakam atau kaedah tahkim telah diperkenalkan oleh Mahkamah Syariah bagi menyelesaikan kemelut yang berlaku. Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2006 diwujudkan bagi membenarkan hakam dilantik dan mengambil peranannya. Walau bagaimanapun, Hammad (2017) menyatakan bahawa pelaksanaan Hakam dalam peruntukan undang-undang mahupun arahan amalan masih lagi tidak begitu jelas diperkatakan. Walaupun tiada perincian yang jelas berkaitan pelaksanaan Hakam di sisi prinsip syariah berkaitan prosedurnya, pelaksanaan Hakam sedemikian adalah merupakan suatu bentuk penyelesaian alternatif yang memainkan peranan yang penting dalam proses kes mal (kes permohonan perceraian) di mahkamah syariah. Ianya membantu mendamaikan pihak-pihak yang bertelingkah setelah campur tangan orang luar gagal (proses Jawatan Kuasa Pendamai). Ini kerana sekiranya pelaksanaan Hakam telah dibuat dan proses pendamaian telah dibuat dengan bantuan wakil daripada ahli keluarga. Maka dengan fakta serta keterangan sedia ada melalui kedua-dua proses tersebut akan membantu meyakinkan mahkamah untuk membuat sesuatu keputusan sama ada membenarkan perceraian ataupun tidak.

Di Selangor, pengendalian proses hakam ini adalah berdasarkan Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 yang telah digubal bagi menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh Seksyen 48, EUKIS, 2013 . Daripada kaedah tersebut, dapat difahami bahawa di Selangor terdapat 3 pihak yang boleh dilantik sebagai hakam iaitu saudara karib suami dan isteri, anggota Panel Hakam yang dilantik dan mana-mana Pegawai Syariah atau Pegawai Hal

Ehwal Islam yang mahir dalam bidang kekeluargaan dan Hukum Syarak. Oleh itu, terdapat dua peringkat proses hakam di Selangor iaitu peringkat pertama melibatkan hakam daripada kalangan ahli keluarga pihak-pihak yang bertikai. Apabila Hakam peringkat pertama gagal, mahkamah akan meneruskan prosiding seterusnya dengan lantikan hakam peringkat kedua. Hakam peringkat kedua ini adalah terdiri daripada pihak yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Selangor dan mempunyai kuasa penuh untuk membuat keputusan mengikut kaedah yang dibenarkan.

Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji kaedah hakam tersebut dan kesan kuasa hakam menurut undang-undang dalam kes-kes permohonan perceraian . Metodologi kajian yang digunakan adalah kualitatif melalui kajian kepustakaan serta temubual bersama informan. Dapatan awal daripada kajian rintis yang dijalankan menunjukkan Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 ini memberikan kuasa sepenuhnya kepada hakam untuk menyelesaikan kes-kes perceraian di selesaikan sama ada secara talak atau berdamai semula.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk kajian yang dilakukan adalah berbentuk data kualitatif yang melibatkan pengumpulan maklumat dalam bentuk temubual dan pemerhatian berhubung peranan dan kuasa hakam dalam menyelesaikan syiqaq dan permasalahan rumah tangga. Temubual akan dijalankan secara kumpulan fokus (focus group discussion). Metode Persampelan akan melibatkan Zon Tengah (Selangor) dan Zon Borneo (Sarawak) Data-data kualitatif yang diperolehi akan dianalisis menggunakan pendekatan secara induktif dan komparatif.

4.0 PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Hakam Menurut Perspektif Syarak dan Undang-Undang

Risalah Ahkam yang ditulis oleh Haji Mohd Saleh Haji Ahmad (2005) di dalam topik *Kaedah-kaedah Penyelesaian Pertikaian Dalam Islam : Tumpuan Kepada Konsep Tahkim* memfokuskan kepada konsep Tahkim yang membincangkan mengenai Hakam dan perkara-perkara yang boleh ditahkim. Jumhur fuqaha berselisih pandangan mengenai perkara-perkara yang boleh ditahkim. Namun, jumhur fuqaha juga telah bersepakat bahawa Tahkim tidak harus dilakukan ke atas perkara-perkara Hudud dan Qisas tetapi perkara-perkara berkaitan mal atau yang bermaksud mal, adalah boleh untuk ditahkim. Mohd Hafifi Hassim, et. al (2019) dalam penulisan yang bertajuk *Penyelesaian Pertikaian Alternatif Dalam Islam : Aplikasinya Terhadap Kes-kes Kekeluargaan dan Kehartaan Di Mahkamah Syariah* telah menganalisis jenis dan kaedah-kaedah penyelesaian pertikaian alternatif yang menjadi amalan di Mahkamah Syariah dalam hal ehwal kekeluargaan dan kehartaan. Penulisan ini turut mendefinisikan setiap satu kaedah penyelesaian pertikaian di Mahkamah Syariah termasuk Tahkim. Merujuk kepada penulisan tersebut,

Tahkim ditakrifkan sebagai kuasa yang diberikan untuk menjatuhkan hukuman kepada seseorang menurut Bahasa. Dari sudut istilah, ia ditakrifkan sebagai suatu proses di mana pihak-pihak melantik seseorang sebagai hakam untuk menyelesaikan pertikaian Proses Tahkim adalah diharuskan Syarak berdasarkan firman Allah S.W.T melalui Surah An-Nisa ayat 35

(وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنَهُمَا فَابْعَثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِمَا إِنْ يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوقِّفِ اللَّهُ بَيْنَهُمَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا خَبِيرًا ٣٥)

Maksudya: *Dan jika kamu bimbang terjadi salah faham antara kedua-duanya, maka kirimlah seorang orang tengah daripada keluarga lelaki dan seorang orang tengah daripada keluarga perempuan. Jika kedua-duanya (orang tengah) bermaksud untuk mendamaikan, nescaya Allah memberi taufik kepada suami isteri itu. Sesungguhnya, Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Teliti.*

(Surah an-Nisa :35)

Manakala menurut Sunnah, Rasulullah s.a.w telah bersabda, maksudnya,

“Mahukah kamu sekiranya aku memberitahu sesuatu suatu yang lebih baik daripada darjah solat berpuasa dan bersedekah?” Jawab kami (para sahabat) : Ya! Wahai Rasulullah, kata Nabi,: “Mendamaikan perkelahian, kerana sesungguhnya keburukan perkelahian itu adalah boleh mencukur. Allah tidak maksudkan mencukur rambut, tetapi mencukur agama (menghapus).”

(Riwayat At-Tarmizi)

Dari sudut undang-undang, Hakam merupakan salah satu kaerah perceraian secara alternatif tanpa melalui sistem keadilan Mahkamah berbeza dengan kaerah-kaerah perceraian seperti persetujuan bersama, fasakh dan lain-lain yang diselesaikan di dalam prosiding Mahkamah. Menurut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia, Hakam didefinisikan sebagai penimbang tara yang diberi kuasa oleh pihak-pihak atau Mahkamah untuk menyelesaikan .Hakam menurut istilah undang-undang adalah seseorang yang dilantik oleh pihak-pihak yang bertikai atau Mahkamah sebagai penimbang tara untuk menyelesaikan pertikaian atau perkelahian (Syiqaq) di antara suami dan isteri berdasarkan kepada penulisan Hammad Mohamad Dahalan, et al, (2017). Muslem, et al (2018) turut mendefinisikan Hakam sebagai tauliah kepada seseorang yang dilantik oleh dua orang pihak yang bersengketa bagi tujuan untuk mencapai perdamaian. Hakam yang dilantik mempunyai kuasa untuk penetapan hukum. Berdasarkan kepada definisi-definisi yang telah dibincangkan, jelas bahawa Hakam merupakan salah satu bentuk kaerah penyelesaian pertikaian yang menjadi amalan di Mahkamah Syariah. Asasnya, Hakam merupakan timbang tara pihak ketiga neutral yang dilantik bagi menyelesaikan Syiqaq yang berlaku di antara suami dan isteri. Dapat disimpulkan bahawa istilah penggunaan perkataan Hakam dan Tahkim turut dibezaan maksudnya. Hakam adalah penimbang tara yang dilantik oleh Mahkamah manakala Tahkim adalah proses penimbangtaraan atau dikenali sebagai majlis Tahkim.

Menurut Cohen (1921), kaerah timbang tara (arbitration) menyediakan alternatif kepada penyelesaian pertikaian dan ia amat diperlukan kerana dengan terdapat kekurangan dalam prosedur undang-undang dan peraturan yang digubal oleh kerajaan. Di Malaysia, khususnya di Negeri Selangor, proses Timbang Tara oleh Hakam diperuntukkan dengan jelas di bawah Seksyen 48 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Peruntukan Seksyen 48 (5) menyatakan Hakam hendaklah berusaha untuk mendapatkan kuasa penuh daripada prinsipal mereka masing-masing dan boleh, jika kuasa mereka membenarkan, melafazkan satu talaq di hadapan Mahkamah jika dibenarkan sedemikian oleh Mahkamah, dan jika demikian halnya, Mahkamah hendaklah merekodkan lafaz satu talaq itu, dan menghantar satu salinan rekod itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan. Manakala Seksyen 48 (6) pula menyatakan jika

Hakam berpendapat bahawa pihak-pihak itu patut bercerai tetapi tidak dapat memerintahkan perceraian oleh kerana sesuatu sebab, Mahkamah hendaklah melantik Hakam lain dan hendaklah memberi kepada mereka kuasa untuk memerintahkan perceraian dan hendaklah, jika mereka berbuat demikian, merekodkan perintah itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan. Prosedur hakam telah dijelaskan secara terperinci dalam Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia 2006 yang merangkumi pelantikan dan tanggungjawab hakam.

4.2 Permohonan Perceraian Menurut Peruntukan Undang-Undang

Hukum syarak telah menetapkan bahawa kuasa menjatuhkan talak adalah pada suami. Walaupun perceraian adalah sesuatu yang dibenci dalam Islam, tetapi dalam keadaan tertentu dan atas alasan tertentu, ia dibenarkan oleh hukum syarak. Perceraian mestilah berlaku dalam sebaik-baik keadaan dan tidak mendatangkan *darar syarie* kepada mana-mana pihak. Dari sudut perundangan, banyak kaedah penyelesaian dalam menangani krisis rumah tangga sama ada mendapatkan nasihat orang yang dipercayai, menghadiri kaunseling atau menggunakan orang tengah sebagai penimbang tara dalam usaha mengelakkan perceraian (Zanariah Dimon, et al, 2018). Sekiranya tiada kata sepakat diambil dan mereka berpendapat bahawa langkah penyelesaian yang terbaik adalah dengan bercerai, maka pasangan boleh mengemukakan permohonan perceraian di Mahkamah Syariah.

Di Mahkamah Syariah, terdapat dua keadaan sekiranya perceraian diteruskan iaitu perceraian dengan persetujuan bersama dan perceraian tanpa persetujuan salah satu pihak. Perceraian dengan persetujuan bersama bermaksud seorang suami atau isteri membuat permohonan kepada mahkamah dengan mengisi borang-borang tertentu untuk bercerai sekiranya kedua-dua pihak bersetuju untuk berbuat demikian dan gagal mencapai persefahaman untuk meneruskan perkahwinan. Borang tersebut perlu diserahkan kepada Mahkamah Syariah dengan disertai akuan berkanun (surat sumpah) dengan memenuhi perkara yang berikut: i. butir-butir perkahwinan, nama anak, umur anak (hasil daripada perkahwinan); ii. perkahwinan itu didaftarkan di bawah Enakmen Undang- Undang Keluarga Islam dan salah satu pihak bermastautin dalam Negeri di bawah Enakmen tersebut; iii. butir-butir mengenai apa-apa perbicaraan terdahulu mengenai hal ehwal suami isteri, jika ada; iv. pernyataan mengenai sebab-sebab hendak bercerai; v. pernyataan sama ada ada langkah-langkah perdamaian telah diambil; vi. syarat apa-apa perjanjian berkenaan dengan nafkah, tempat tinggal isteri dan anak-anak hasil daripada perkahwinan, penjagaan anak dan pembahagian apa-apa aset; dan vii. butir-butir perintah yang diminta.

Bagi perceraian dengan persetujuan bersama,

Seksyen 47 (3) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 telah memperuntukkan mengenai perceraian dengan persetujuan bersama selepas proses-proses permohonan dan prosedur permohonan perceraian dipatuhi setiap satunya berdasarkan Seksyen 47 (1) dan (2) Enakmen yang sama Seksyen 47 (3) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 telah memperuntukkan bahawa,

47(3): Jika pihak yang satu lagi itu bersetuju terhadap perceraian itu dan Mahkamah berpuas hati selepas penyiasatan yang wajar bahawa perkahwinan itu telah pecah belah dengan tak dapat dipulihkan, maka Mahkamah hendaklah menasihatkan suami supaya melafazkan satu talaq di hadapan Mahkamah

Di Selangor, prosiding perceraian talak biasa dengan persetujuan bersama ini telah dibuat secara *fast track* oleh Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) sejak tahun 2015

sebagai usaha untuk mengurangkan kerenah birokrasi dalam pengendalian kes-kes cerai yang difaikan atas persetujuan bersama suami dan isteri yang sebelum ini mengambil masa sehingga 90 hari untuk diselesaikan. Melalui proses kerja ini, kes pasangan suami isteri yang telah bersetuju untuk bercerai akan diselesaikan dalam tempoh 6 jam daripada masa pemfailan kes dan mereka akan menerima Perintah bertulis bermeterai mahkamah dalam tempoh masa tersebut untuk dikemukakan kepada Jabatan Agama Islam Selangor bagi tujuan pengeluaran Sijil Cerai. Proses *fast track* ini ternyata telah menjimatkan masa dan kos pihak yang terlibat dan memberi peluang kepada mereka untuk memulakan hidup baharu secara damai tanpa perlu bermusuhan antara satu sama lain, sebagaimana yang biasa berlaku kesan daripada perbicaraan kes yang panjang di mahkamah. (Majlis Agama Islam Selangor, 2019)

Walau bagaimanapun, perceraian tanpa persetujuan berlaku jika suami enggan melafazkan talaq, maka Mahkamah akan memerintahkan pihak-pihak untuk melalui proses Jawatankuasa Pendamai dalam usaha untuk mendamaikan kedua-dua pihak dengan melihat kepada kebarangkalian yang munasabah perkahwinan tersebut mungkin masih dapat diselamatkan. Ini dapat dilihat berdasarkan peruntukan Seksyen 47 (5) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003,

47(5): Jika pihak yang satu lagi tidak bersetuju terhadap perceraian itu atau jika Mahkamah berpendapat bahawa ada kemungkinan yang munasabah bagi suatu perdamaian antara pihak-pihak itu, Mahkamah hendaklah dengan seberapa segera yang boleh melantik suatu jawatankuasa pendamai terdiri daripada seorang Pegawai Agama sebagai Pengerusi dan dua orang lain, seorang untuk bertindak bagi pihak suamu dan seorang lagi bagi pihak isteri dan merujukkan kes itu kepada jawatankuasa itu.

Jika di peringkat Jawatankuasa Pendamai gagal diselesaikan dalam tempoh enam bulan seperti yang diperuntukkan Seksyen 47 (9) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, jawatankuasa akan mengeluarkan suatu perakuan mengenai laporan dan syor apa-apa yang difikirkan patut berkaitan perkahwinan tersebut sama ada nafkah, hak penjagaan anak dan lain-lain. Jika proses di peringkat Jawatankuasa Pendamai tidak berjaya, Mahkamah seterusnya boleh melantik dua orang wakil dari saudara karib pihak-pihak yang mengetahui mengenai *Syiqaq* tersebut sebagai penimbang tara atau Hakam dalam masa 14 hari selepas Mahkamah memutuskan bahawa *Syiqaq* tersebut sentiasa berterusan. Tahkim adalah peringkat bagi menyelesaikan *Syiqaq* yang wujud.

4.3 .Aplikasi Kaedah-Kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 dalam Kes-Kes Perceraian Tanpa Persetujuan Satu Pihak

Suwaid Tapah (2007) dalam topik *Prosedur Perceraian* telah menjelaskan Jawatankuasa Pendamai perlu mendamaikan kedua-dua pihak dalam tempoh enam bulan atau lebih setakat yang dibenarkan oleh Mahkamah. Jawatankuasa yang dilantik perlu menjalankan fungsi dan tanggungjawabnya untuk mendamaikan kedua-dua pihak berdasarkan kepada pendekatan atau kaedah yang sesuai. Jika usaha mendamaikan gagal, Jawatankuasa Pendamai dikehendaki menyediakan laporan dan perakuan mengenainya serta dilampirkan bersama cadangan atau syor yang difikirkan patut. Mahkamah kemudiannya akan menasihati suami untuk melafazkan talak di hadapan Hakim.

Di negeri Selangor, hakam merupakan satu bentuk kaedah baharu yang diperkenalkan sebagai salah satu alternatif kepada penyelesaian pertikaian suami isteri. Kaedah-Kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 digubal bagi mengawal selia perjalanan prosiding dan

perlaksanaan majlis tahkim di Negeri Selangor. Kaedah Hakam ini juga merupakan kaedah yang bertujuan memperkasakan fungsi hakam, mempercepatkan penyelesaian prosiding kes perceraian di Mahkamah Syariah serta menjelaskan pelaksanaan prosiding hakam seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 48 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor)

Hammad Mohd Dahlan et. al (2017) menyatakan bahawa Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dalam usaha untuk melicinkan pentadbiran dan pengurusan Mahkamah Syariah telah mengeluarkan Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2006 berkenaan pelaksanaan Hakam. Arahan Amalan JKSM Bil 1 tahun 2006 yang telah menggariskan beberapa keadaan yang membolehkan Hakam dilaksanakan antaranya perbalahan yang timbul di antara suami isteri yang timbul daripada nusyuz isteri, atau disebabkan kezaliman suami, ataupun berlaku kesamaran siapa yang benar dan dusta dalam perbalahan yang berlaku. Hakam juga diperlukan apabila pihak-pihak menuduh masing-masing tidak melaksanakan tanggungjawab suami atau isteri dan juga berkaitan kelalaian dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap anak-anak dalam perkahwinan;

Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 memperuntukkan bahawa terdapat 3 pihak yang boleh dilantik sebagai hakam iaitu sama ada dari kalangan (a) saudara karib suami dan isteri yang memenuhi kelayakan di bawah subkaedah 8(1) dan (2); (b) anggota Panel Hakam yang dilantik di bawah kaedah 6; atau (c) mana-mana Pegawai Syariah atau Pegawai Hal Ehwal Islam dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan atau Negeri atau mana-mana Pegawai Majlis yang mahir dalam bidang kekeluargaan dan Hukum Syarak. Oleh itu, terdapat dua peringkat proses hakam di Selangor iaitu peringkat pertama melibatkan hakam daripada kalangan ahli keluarga pihak-pihak yang bertikai. Menurut Tuan Yuszairi , tafsiran surah an nisa ayat 35 tersebut ialah pelantikan hakam itu merujuk kepada sesiapa yang boleh dipercayai di dalam setiap amanah ataupun tugas yang dilantik sebagai seorang yang boleh memberikan kerjasama untuk menyelesaikan permasalahan dengan baik. Adapun ianya merujuk kepada ahli yang terdekat iaitu seseorang yang lebih mengenali serta lebih tahu. Dalam konteks yang lain ia mempunyai tafsiran yang luas (Tuan Yuszairi, Kajian rintis). Apabila Hakam peringkat pertama gagal, mahkamah akan meneruskan prosiding seterusnya dengan lantikan hakam peringkat kedua. (Tuan Firdaus, Kajian Rintis).. Hakam peringkat kedua ini adalah terdiri daripada pihak yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Selangor dan mempunyai kuasa penuh untuk membuat keputusan mengikut kaedah yang dibenarkan. Pada ketika ini, pihak suami mahupun isteri tidak mempunya kuasa untuk membuat keputusan melainkan kuasa hakam yang akan menentukan hala tuju perkahwinan mereka.

Bersesuaian dengan kuasa Hakam menurut syarak, maka fungsi Hakam secara umumnya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kaedah 9, Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 adalah untuk menamatkan *shiqaq* antara suami dan isteri dengan cara mendamaikan atau memisahkan kedua-duanya dengan talak atau khuluk. Menurut Tuan Yuszairi, Hakam ditugaskan untuk menyelesaikan permasalahan rumah tangga pihak-pihak dan cuba sedaya upaya untuk menamatkan *shiqaq*. Bentuk perdamaian melibatkan peluang dan ruang masa yang diberikan kepada pihak-pihak dengan cara untuk berbaik semula dengan menarik balik semula kes perceraian.Pilihan yang kedua adalah dengan cara perpisahan walaupun pihak-pihak perlu melaksanakan akad nikah semula yang mana cerai secara hakam ini disabitkan secara talak bain sughro. Perpisahan juga adalah ikhtiar untuk pihak-pihak bermuhasabah diri. (Tuan Yuszairi, Kajian Rintis).

Amalan di Selangor dalam menentukan jenis perceraian yang boleh dicadangkan oleh hakam-hakam tersebut kepada pihak-pihak yang diwakili jika kedua-dua Hakam berpuas hati bahawa perdamaian gagal dicapai oleh kedua-dua pihak, mereka hendaklah menentukan pihak yang menjadi punca kepada berlakunya *shiqaq* itu. Jika *shiqaq* itu (a) didapati berpunca daripada suami atau kedua-dua suami dan isteri, kedua-dua Hakam hendaklah mencadangkan perceraian secara talak; (b) didapati berpunca daripada isteri, kedua-dua Hakam hendaklah mencadangkan perceraian secara khuluk dan kadar ‘iwadh’ hendaklah diputuskan oleh Hakam; (c) tidak dapat ditentukan puncanya dan tuntutan perceraian dibuat oleh suami, maka kedua-dua Hakam hendaklah mencadangkan perceraian secara talak; atau (d) tidak dapat ditentukan puncanya dan tuntutan perceraian dibuat oleh isteri, maka kedua-dua Hakam hendaklah mencadangkan perceraian secara khuluk dan kadar ‘iwadh’ hendaklah diputuskan oleh Hakam (Kaedah 12, Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014).

Seksyen 48 (5) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 pula telah memperuntukkan mengenai kuasa Hakam dalam proses penyelesaian Syiqaq antara suami dan isteri

48 (5) : Hakam hendaklah berusaha untuk mendapatkan kuasa penuh daripada prinsipal mereka masing-masing dan boleh, jika kuasa mereka membenarkan, melafazkan satu talaq di hadapan Mahkamah jika dibenarkan sedemikian oleh Mahkamah, dan jika demikian halnya, Mahkamah hendaklah merekodkan lafaz satu talaq itu, dan menghantar satu Salinan rekod itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan.

Ini dapat dilihat berdasarkan kepada contoh kes, *Faridah binti Ahmad lwn Hairunajib bin Mohd Mansor* 4 ShLR 27 pada tahun 2017 yang diputuskan di Mahkamah Rendah Syariah Klang, Selangor apabila Plaintiff di dalam kes ini telah mengemukakan tuntutan fasakh di bawah Seksyen 53 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 akibat kecemasan Defendan dalam memberi nafkah melebihi tempoh tiga bulan, lazim menyakiti dan menganiaya Plaintiff serta berkawan dengan perempuan jahat dan berperangai keji menurut Hukum Syarak kerana menagih dadah.

Walau bagaimanapun, Mahkamah telah menolak tuntutan tersebut oleh kerana Plaintiff gagal membuktikan dakwaan-dakwaannya selain keterangan yang diberikan oleh Plaintiff dan saksinya terlalu ringkas. Mahkamah dalam menolak dan menilai dakwaan-dakwaan yang dikemukakan oleh Plaintiff telah memutuskan bahawa wujudnya *Syiqaq* yang berpanjangan di antara Plaintiff dan Defendan dan memerintahkan untuk kes ini dirujuk kepada Hakam melalui peruntukan Seksyen 48 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003.

Seterusnya Najibah Mohd Zain, et al (2007) di dalam *Undang-undang Keluarga Islam* telah mengemukakan contoh kes berkaitan pelaksanaan Hakam iaitu *Rosilah binti Abu Kasim lwn Abd Rahman bin Ibrahim* yang diputuskan pada tahun 1993. Plaintiff di dalam kes ini telah mengemukakan tuntutan fasakh terhadap suaminya iaitu Defendan dengan alasan bahawa Defendan tidak memberi nafkah, sering bergaduh, mengugut dan menghalaunya. Walau bagaimanapun, Defendan di dalam kes ini telah menafikan dakwaan tersebut. Melihat kepada keterangan kedua-dua pihak, Hakim Bicara berpendapat bahawa kes ini perlu disiasat dengan rapi. Hakim kemudiannya telah memerintahkan pelantikan Hakam berdasarkan Seksyen 47(5) Enakmen Keluarga Islam (Negeri Selangor). Hakam kemudiannya telah mencadangkan supaya kes ini disegekan dan diputuskan sama ada melalui perceraian biasa atau melalui

tebus talak kerana kedua-duanya tidak lagi tinggal bersama. Tambahan lagi, hasil laporan proses perdamaian di peringkat Jawatankuasa Pendamai di bawah Seksyen 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam adalah gagal mencapai perdamaian.

4.4 Implikasi Kuasa Hakam dalam Perundangan dan Kesannya Kepada Pihak-Pihak

Oleh kerana perceraian yang diputuskan oleh hakam adalah merupakan talaq *ba'in sugra*, maka, implikasinya adalah rujuk tidak terpakai kepada suami dan isteri tersebut. Keputusan perceraian oleh hakam juga tidak boleh dirayu, bersifat muktamad dan mengikat pihak-pihak yang bertikai. Rayuan hanya boleh dibuat apabila terdapat kecacatan dari sudut prosiding sahaja. Kaedah hakam ini juga akan meringankan bebanan yang ditanggung oleh isteri dalam pertikaian seperti penjimatan kos prosiding (Mumtazah et al., 2020)

Kesan keputusan yang diputuskan oleh Hakam menurut Syarak adalah sah jika berlaku kesepakatan di antara dua Hakam yang dilantik mewakili suami dan isteri, namun jika berbeza pandangan dalam membuat keputusan, maka keputusan tersebut tidak boleh diambil. Kesan Hakam lain hendaklah dilantik oleh Hakim untuk mengkaji mengenai *syiqaq* suami isteri dan keputusan hendaklah dipersejui sebulat suara untuk membolehkan keputusan itu berkuat kuasa kepada pasangan suami isteri tersebut secara muktamad. Menurut hukum syarak, perceraian melalui Hakam adalah terkategori sebagai talaq *Bai'in Sugra* dan tidak boleh dirujuk semula (Mohd. Saleh Haji Ahmad, 2005).

Seterusnya, kesan kuasa Hakam dari sudut perundangan, jika kedua-dua pihak suami isteri bersetuju mengenai perlantikan Hakam tersebut, maka keputusan yang diputuskan oleh Hakam tersebut adalah mengikat pihak-pihak, bersifat muktamad dan tidak boleh dirayu melainkan jika ada kecacatan di dalam prosiding (Nur Khalidah Dahlani, et al, 2017). Rujuk juga tidak terpakai kepada suami dan isteri yang telah diceraikan secara Hakam (Alyasak Berhan, et al, 2016). Buktinya dalam Kaedah 18 di bawah Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 yang menyatakan bahawa perceraian yang diputuskan dalam Majlis Tahkim adalah muktamad dan tidak boleh dirayu .

Perbincangan kesan kuasa Hakam dari sudut Syarak ada dibincangkan di antaranya di dalam Risalah Ahkam (2005) yang ditulis oleh Haji Mohd Saleh Haji Ahmad dalam topik *Tahkim Dalam Penyelesaian Syiqaq* telah mengupas mengenai kuasa Hakam dalam pemisahan pihak-pihak. Topik ini memfokuskan mengenai keputusan di antara dua Hakam yang dilantik bagi pihak suami dan isteri dalam usaha mendamaikan suami isteri. Sekiranya usaha perdamaian tersebut masih dilihat tidak mampu dicapai dan suami isteri atau salah satu pihak masih bertegas untuk bercerai, beberapa pendapat ulama' telah membahaskan mengenai kuasa kedua-dua Hakam suami dan isteri tersebut untuk memisahkan kedua-dua mereka.

5.0 KESIMPULAN

Hasil dapatan awal daripada kajian rintis yang dilakukan adalah jelas bahawa penyelesaian dari aspek undang-undang dengan menggunakan orang tengah atau hakam ini adalah sangat sesuai dan berkesan bagi memastikan kemaslahatan berterusan dan mengelakkan *darar syarie* berpanjangan kepada pihak-pihak yang bertikai. Dapatkan kajian juga menyatakan bahawa peranan hakam bukan hanya semata-mata untuk menyelesaikan pertikaian melalui perceraian sahaja, malah hakam sebenarnya cuba sedaya upaya untuk mendamaikan perdamaian kedua-dua pihak tersebut sama ada untuk kembali hidup sebagai suami isteri. Kaedah-Kaedah

Hakam (Negeri Selangor) 2014 juga telah menggariskan satu kaedah yang jelas dari aspek perlantikan hakam, peranan dan kuasa hakam tersebut yang selari dengan hukum syarak.

6.0 PENGHARGAAN

Kertas kerja ini adalah hasil daripada kajian yang dijalankan menggunakan dana daripada Geran Penyelidikan dan Inovasi Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) (GPIK) 2020 iaitu bagi kategori Geran Penyelidikan Intensif (GPI).

RUJUKAN

- Abdul Karim Zaydan, 1983, *Nizam Al-Qadha fi Al-Syariah Al- Islamiyyah*, Baghdad, Matb'ah al-Ma'anî
- Abdullah Abu Mat Saud (2013) *Hakmu Muslimah : Menurut Undang-undang Keluarga Islam Serta Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah*, Awal Hijrah Enterprise.
- Ahmad Hariri Mohd Saad, Raihanah Hj Azahari, 2014, *Pengukuhan Institusi Keluarga Melalui Kawalan Terhadap Perceraian*, Jurnal Fiqh (No. 11)175-194
- Azliza binti Abu Hanipah, 1999, *Konsep Dan Peranan Majlis Tahkim Dalam Menyelesaikan Masalah Rumahtangga ; Kajian Kes Di Shah Alam*. Tesis Diploma Pengajian Islam, Kolej Islam Darul Ehsan.
- Che Latifah Hj Ismail. 2005, *Pengendalian Kes Perceraian dan Permasalahan di Mahkamah Syariah Perlis*, Jurnal Intelek, Vol. 3 No. 1, UITM
- Haji Mohd Saleh Haji Ahmad, 2005, *Kaedah-kaedah Penyelesaian Pertikaian Dalam Islam : Tumpuan Kepada Konsep Tahkim di dalam Risalah Ahkam*, Intel Multimedia And Publication
- Hammad Mohamad Dahalan dan Mohamad Azlan Yahya, 2017, *Hakam Dalam Mahkamah Syariah : Analisis Pelaksanaannya Di Sisi Prinsip Syariah Di Malaysia*, Proceeding of 2nd International Conference on Law, Economics and Education (ICONLEE), Grand Bluewave Hotel, Shah Alam, Malaysia.
- Mohamad Hafifi Hassim, Nor 'Adha Ab Hamid, Norazla Ab Wahab, Nurhafizah Raja Abdul Aziz, Roslinda Ramli, Siti Noor Ahmad, 2019, *Penyelesaian Pertikaian Alternatif Dalam Islam : Aplikasinya Terhadap Kes-Kes Kekeluargaan Dan Kehartaan Di Mahkamah Syariah*, e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi, Vol 6, No. 2 (September 2019), KUIS, hlm 1-14
- Mumtazah Narowi, Noor Fadhzana Mohd Noor dan Siti Amalina Ahmad Khairuddin, 2020, *Hakam Dan Aplikasinya Dalam Penyelesaian Kes Perceraian Di Mahkamah Syariah Negeri Selangor*, International Multidisciplinary Postgraduate Virtual Conference 2020 (IMPC20), 9 & 10 Disember, Centre of Graduate Studies, hlm 182-184. UNISEL
- Muslem, Siti Aminah Abd Samat, 2018, *Mekanisme Majelis Tahkim Dalam Penyelesaian Sengketa Rumah Tangga (Analisis Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No. 2 Tahun 2003, Seksyen 48 Tentang Penambahan Kaedah-kaedah Hakam Di Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam, Selangor, Malaysia)*, Media Syari'ah, Vol 20, No.1, hlm 76-93
- Najibah Mohd Zain, 2007, *Undang-undang Keluarga Islam*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Noor Syaibah Shabuddin, Norazilah Johari, Norhasima Abdullah dan Shazwana Aziz, 2016. *Perceraian Dalam Kalangan Pasangan Dewasa Pertengahan Di Pejabat Daerah*

Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAIDHL) : Eksplorasi Faktor, Jurnal Sains Sosial Malaysia, Jil 1, 36-52,

Nor Azlina Mohd Kiram, Raja Masittah Raja Ariffin dan Jama'yah Zakaria, 2017, *Gaya Pengurusan Konflik dan Kesannya Terhadap Institusi Kekeluargaan dalam Novel Saga*, Akademika 87(2), UKM

Norzulaili Mohd Ghazali, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2006, *Nusyuz, Syiqaq dan Hakam Menurut Al-Quran, Sunnah dan Undang-undang Keluarga Islam*, Kolej Universiti Islam Malaysia, Negeri Sembilan

Raihanah Hj, Abdullah, 2001, *Wanita, Perceraian dan Mahkamah Syariah*. Dlm, *Wanita dan Perundangan Islam*, Kuala Lumpur, Ilmiah Publisher. 116

Suwaid Tapah, 2007, *Prosedur Perceraian*. Dlm *Undang-undang Islam di Malaysia : Prinsip dan Amalan*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Zanariah Dimon, Azizah Mohd Rapini, Hammad Md. Dahalan, Zaini Yusnita Mat Jusoh dan Nur Zulfah Md. Abd Salam, 2018, *Faktor-faktor Konflik Rumah Tangga : Kajian Di Unit Runding Cara Jabatan Agama Islam Selangor*, International Conference On Islamiyyat Studies, Bandar Baru Bangi, Selangor.